



PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) DENGAN KEPUJIAN AMBILAN JUN 2016

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan berlitziam untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).

1. KETERANGAN PROGRAM

1.1 Nama Program :

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)

- 1.1.1 Program ini diikususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
- 1.1.2 Pemohon dikehendaki mengikuti **Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)** selama dua belas (12) bulan atau dua (2) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.1.3 Pemohon yang **LULUS PPISMP** akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian **PISMP** selama empat (4) tahun atau lapan (8) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.1.4 **PPISMP** dan **PISMP** dilaksanakan secara Mod Sepenuh Masa.

2. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2016 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 1996.
- 2.3 Sihat tubuh badan.
- 2.4 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh gred **cemerlang** dalam mana-mana **lima (5) mata pelajaran**.
- 2.5 Memperoleh sekurang-kurangnya gred **kepujian** dalam mata pelajaran yang berikut iaitu:
 - i. Bahasa Melayu; dan
 - ii. Sejarah.
- 2.6 **Lulus** Bahasa Inggeris.
- 2.7 Memenuhi **syarat bidang pengkhususan**. (Rujuk **syarat bidang pengkhususan dalam permohonan online**)
- 2.8 Aktif dalam kegiatan kurikulum.

3. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

3.1 Sekolah Kebangsaan (SK)

3.1.1 Bahasa Melayu	3.1.4	Bahasa Tamil	3.1.7	Pendidikan Islam
3.1.2 Bahasa Inggeris	3.1.5	Bahasa Iban	3.1.8	Matematik
3.1.3 Bahasa Cina	3.1.6	Bahasa Kadazandusun	3.1.9	Sains

3.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

3.2.1 Bahasa Melayu	3.2.3	Bahasa Cina	3.2.5	Matematik
3.2.2 Bahasa Inggeris	3.2.4	Pendidikan Islam	3.2.6	Sains

3.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

3.3.1 Bahasa Melayu	3.3.3	Bahasa Tamil	3.3.5	Matematik
3.3.2 Bahasa Inggeris	3.3.4	Pendidikan Islam	3.3.6	Sains

3.4 Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK)

Pendidikan Khas:	i.) Masalah Pembelajaran	ii.) Masalah Pendengaran	iii.) Masalah Penglihatan
-------------------------	--------------------------	--------------------------	---------------------------

CALON TIDAK LAYAK MEMOHON

1. Pemohon yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di institusi-institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Pemohon yang dikenakan tindakan tata tertib atau sedang dalam proses tindakan tata tertib semasa dalam perkhidmatan awam atau latihan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.
3. Pemohon yang pernah mengikuti program ikhtisas di Institut Pendidikan Guru, tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan daripada program.
4. Pemohon yang pernah atau sedang disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah atau tindakan mahkamah.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian (**online**) dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia di alamat : <http://www.moe.gov.my> mulai **10 Mac 2016**.
2. **Permohonan akan ditapis berdasarkan syarat kelayakan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh KPM.** Pemohon yang terpilih mesti menduduki dan **LULUS Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG)** sebelum layak dipanggil temu duga.
3. Pemohon dinasihatkan melayari laman sesawang : <http://www.moe.gov.my> bagi mendapatkan **maklumat iklan, Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), temu duga, syarat bidang pengkhususan dan gred minimum serta kalendar aktiviti** sebelum membuat permohonan.
4. Pemohon dibenar mengemukakan **SATU (1)** permohonan dan boleh mengemaskini pada bila-bila masa sahaja sehingga tarikh tutup permohonan.
5. Permohonan hendaklah **disahkan** setelah pemohon selesai membuat pengemaskinian dengan menekan butang pengesahan yang disediakan sebelum tarikh tutup permohonan. Pengesahan yang berjaya dihantar akan menerima **nomor rujukan**.
6. Pemohon hendaklah menyimpan nombor rujukan untuk tujuan semakan permohonan.
7. Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

PERINGATAN

Pemohon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 MAC 2016 (11.59 MALAM)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan :

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-3, BLOK 2250, JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA

(u.p: Unit Pengambilan, Penempatan dan Data Pelajar, Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar)

No. Telefon : 03-8312 6720 / 6723 / 6730 / 6731 / 6758 / 6768 / 6769 / 6760 / 6689 / 6627